

13/02/2001

Pertemuan pemimpin hidupkan perpaduan

IPOH, Isnin - Pertemuan pemimpin Umno dan Pas Isnin ini, diharap menghidupkan semula semangat perpaduan di kalangan ahli kedua-dua parti tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Badan Perhubungan Umno Perak menaruh harapan tinggi supaya pertemuan antara pemimpin Umno dan Pas akan memberi kesan positif kepada perpaduan orang Melayu.

"Memanglah dalam politik mestilah ada perbezaan pandangan dan fahaman. Tapi apa yang lebih penting, kita mahu perpaduan lebih menyeluruh dicapai dalam setiap aktiviti masyarakat yang disertai ahli Umno dan Pas.

"Kita mahu dari segi kehidupan harian...kita boleh bergaul, dari aspek politik tidak apa (jika ada perbezaan pandangan dan ideologi)," katanya selepas menyampaikan sumbangan basikal dan beg sekolah oleh Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas persetujuan Umno dan Pas mengadakan perbincangan terbuka tanpa sebarang syarat mengenai perpaduan Melayu, Isnin ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju dengan tarikh dan bilangan perwakilan seramai enam orang seperti yang dikemukakan oleh Pas dalam pertemuan jawatankuasa teknikal kedua-dua parti, Khamis lalu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dilaporkan turut menghargai keikhlasan Dr Mahathir yang sanggup berdepan dengan pemimpin Pas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu.

Tajol Rosli yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, pertemuan pemimpin Umno dan Pas adalah suatu permulaan ke arah memenuhi matlamat asal menyatupadukan orang Melayu.

"Ini suatu permulaan yang baik. Tidak semestinya ia akan membawa kepada penyertaan Pas dalam Barisan Nasional (BN)," katanya.

Beliau berkata, perbezaan politik walaupun berlaku dalam masyarakat kaum Cina dan India tidak berlarutan apabila mereka menghadiri majlis kemasyarakatan.

"Jika diperhatikan di kalangan kaum Cina ada juga masalah perbezaan politik antara MCA, Gerakan mahupun DAP. Tetapi, apabila mereka pergi ke tokong tidak timbul masalah," katanya.

(END)